



IQRA'

Bil. 3/2024
MARCH



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

- Shah Alam : Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah,
Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
- Melaka : Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
- Perlis : Khairil Izwan Hasan
- Sabah : Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
- Kedah : Mohd Amiruddin Mohd Nasir
- Pulau Pinang : Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
- Kelantan : Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
- Perak : Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
- Sarawak : Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
- Pahang : Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
- Terengganu : Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
- Johor : Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
- N. Sembilan : Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
- Selangor : Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee,
Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak,
Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN
PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

KOLABORASI PTAR UNDANG-UNDANG (PUU) DAN FAKULTI UNDANG-UNDANG (FUU) UNTUK PERTANDINGAN MOOT MAHKAMAH UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA (PERINGKAT KEBANGSAAN)

MAC 2, 2024



Pada 2 hingga 3 Mac 2024, Fakulti Undang-Undang dan PTAR Undang-Undang (PUU) telah berkolaborasi bersama bagi menjayakan Pertandingan Moot Mahkamah Undang-Undang Phillip C. Jessup 2024.

Untuk program selama 2 hari ini, PUU telah dipilih menjadi 'holding room' kepada Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Hakim Mahkamah Rayuan serta para hakim yang terdiri daripada Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Sivil, peguam dan sebagainya. Seramai 45 orang hakim terlibat dengan sesi penjurian dan mereka akan diberi taklimat sebelum setiap sesi pertandingan berlangsung.



PROGRAM MUSAFIR ILMU: "RIDE TO BUKIT KELUANG"

MAC 6, 2024



Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) Kampus Machang telah berjaya menganjurkan Program Musafir Ilmu: "Ride to Bukit Keluang" dengan kerjasama UiTMCK Bikers Club.

Program ini terbuka kepada semua warga staf UiTMCK dan mendapat penyertaan yang menggalakan hampir 70 orang. Musafir Ilmu: "Ride to Bukit Keluang" adalah aktiviti rekreasi staf dalam mewujudkan budaya kerja yang seimbang dari segi pembinaan sahsiah, keyakinan diri dan semangat berpasukan. Program ini adalah aktiviti rekreasi bermotor dari kampus UiTMCK ke Bukit Keluang, Besut, Terengganu. Pengisian sesi tazkirah juga diselitkan selepas aktiviti mendaki Bukit Keluang.



LIVE@PTAR READ, KNOWLEDGE & SHARE: BOOK REVIEW SIRI 8

MAC 7, 2024



Pada Khamis, 7 Mac 2024 telah berlangsung program Read, Knowledge & Share: Book Review Siri 8 anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang dipancarkan secara langsung menerusi saluran media rasmi Facebook dan YouTube PTAR Kampus Rembau.

Bagi siri kali ini, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menjemput barisan panel-panel hebat terdiri daripada Dr. Mohd Firdaus Fathir, Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media dengan buku pilihan beliau berjudul *The Dilemma of Muslim Psychologists* oleh penulis Malik Badri. Selain itu, panel jemputan lain termasuklah Dr. Haziah Sa'ari, Pensyarah Kanan Pengajian Sains Maklumat, dengan buku pilihan beliau *The Leader in You* oleh penulis Dale Carnegie manakala panel jemputan Puan Aisyah Nur Aqlah dari Unit Hal Ehwal Pelajar, UiTM Kampus Rembau dengan buku pilihan berjudul *Penggunaan Bahasa dalam Skrip Pengacara (Pengerusi Majlis)*. Moderator program, Cik Ain Ezzatul Aisyah Rusila juga tidak terlepas peluang untuk berkongsi ulasan buku pilihan beliau, berjudul *Jam Loceng Subuh*.



“AUTHORS TALK@PTA”: AKU DIA & KOPI

MAC 10, 2024



Pada 10 Mac 2024 (Ahad), Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UITMCK) Kampus Machang telah menganjurkan Program “Authors Talk@PTA”: Aku Dia & Kopi secara hibrid bertempat di Ruang Library Community Engagement (LCE) bagi staf PTA dan secara siaran langsung melalui saluran YouTube rasmi Perpustakaan Tengku Anis.

Program “Authors Talk@PTA” adalah salah satu program Read@UiTM yang menyokong usaha pembudayaan ilmu dan galakan minat membaca dalam kalangan warga UiTM terutama warga UiTM Cawangan Kelanta serta program yang akan dilakukan secara berkala dengan menjemput staf akademik, staf pentadbiran UiTMCK mahupun penulis luar yang telah berjaya menerbitkan buku di pasaran. Program ini juga sebagai penghargaan kepada barisan staf UiTMCK mahupun penulis jemputan yang telah berjaya menghasilkan buku.



TS HAJI AZIZI DILANTIK SEBAGAI KETUA PUSTAKAWAN UITM

MAC 8, 2024



Seluruh warga Perpustakaan UITM merakamkan ucapan tahniah kepada Ts Haji Azizi bin Haji Jantan atas pemangkuan sebagai Ketua Pustakawan Universiti Teknologi MARA (UITM) berkuat kuasa 1 Mac 2024.

Pemakluman mengenai pemangkuan Ts Haji Azizi sebagai Ketua Pustakawan UITM kali pertama disiarkan menerusi saluran rasmi Facebook Naib Canselor Universiti Teknologi MARA jam 3:00 petang, 8 Mac 2024 hari Jumaat.

Pemangkuan sebagai Ketua Pustakawan diputuskan oleh Pengurusan Tertinggi UITM setelah sebelas bulan Ts Haji Azizi menjalankan tugas sebagai Ketua Pustakawan sejak 3 April 2023.

Terdahulu, pemilihan jawatan Ketua Pustakawan UITM diadakan berikutan persaraan Ketua Pustakawan Ketujuh Encik Jamalludin Haji Sulaiman pada 15 Mei 2023.

Semoga Perpustakaan UITM lebih cemerlang di bawah kepimpinan beliau.

PERBINCANGAN KOLABORASI PTAR DAN IKP

MAC 14, 2024



Suatu perbincangan bersama Institut Kepimpinan Pelajar (IKP), UITM bagi menganjurkan program bersama pelajar telah diadakan.

Buat permulaan, program ini mensasarkan penglibatan para pelajar dari daerah Bagan Datuk, Tambun dan Lumut.

Program yang akan diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) akan memfokuskan aktiviti 3R (Royal, Race, Religion) dan Literasi Maklumat.



PERBINCANGAN MOC UITM DAN MARA

MAC 18, 2024



Perbincangan MoC UITM dan MARA melibatkan perkara berikut:

1. Menyebar luas pengaksesan sumber rujukan.
2. Penganjuran program literasi maklumat (teknik pencarian maklumat).
3. Penganjuran Pameran Semarak Warisan Bangsa di Bangunan MARA
4. Pembangunan sistem pusat sumber sekolah.
5. Pembangunan sistem repositori bahan.



LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT BERSAMA PADU JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

MAC 19, 2024



elah berlangsung program Library Community Engagement bersama PADU, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang diadakan pada 19 dan 20 Mac 2024 di Sudut LCE, PTAR Kampus Rembau.

Program ini bertujuan untuk mengadakan kolaborasi antara perpustakaan bersama agensi luar UiTM dalam bentuk penganjuran program kerjasama dan diadakan di perpustakaan itu sendiri. Kali ini, PTAR Kampus Rembau memilih pasukan PADU daripada Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Ekonomi dalam usaha memberi pendedahan dan memudahkan cara pendaftaran bagi warga kampus yang masih belum mendaftarkan diri dan keluarga di dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dijangka ditutup pada 31 Mac 2024.



BICARA RAMADAN@PTAR SIRI 2: MARHABAN YA RAMADAN

MAC 20, 2024



Pada Rabu, 20 Mac 2024 telah berlangsung program Bicara Ramadan@PTAR Siri 2 anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dengan tajuk "Marhaban Ya Ramadan" yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustazah Masliyana Ismail, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Kampus Rembau.

Program berbentuk majlis ilmu ini diadakan di Sudut LCE, PTAR Kampus Rembau sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan yang mulia ini dan telah disertai oleh warga kampus dari setiap unit dan bahagian. Pelbagai persoalan dan kemusykilan peserta telah diberi penerangan dan didiskusikan oleh Ustazah Masliyana sepanjang program berlangsung.



TAKBIR RAYA@PKEJ

MAC 22, 2024



Jumaat, 11 Ramadan 1445H, 22 Mac 2024 : Satu sesi bimbingan "Takbir Raya" dan perkongsian berkaitan kaifiyat dan fadilat takbir bagi pengisian ilmu warga perpustakaan dan warga UiTM di bulan ramadan.

Ustaz Mohd Faizan bin Tajuid dari Bahagian Hal Ehwat Islam, UiTM telah di jemput bagi memberi bimbingan dan tunjuk ajar. Banyak info yang bermanfaat dan berguna berkaitan takbir raya telah di kongsi sepanjang program ini berlangsung.



MESYUARAT PENGUKUHAN JAWATAN EMPAT (4) JAWATAN UTAMA UNIVERSITI AWAM DAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR

MAC 21, 2024



Mesyuarat Pengukuhan Jawatan Timbalan Naib Canselor dan empat (4) Jawatan Utama melibatkan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-undang Universiti Awam telah diadakan seperti ketetapan berikut:

1. Tarikh : 21 hingga 22 Mac 2024 (Khamis dan Jumaat)
2. Masa : Khamis (9:00 pagi hingga 8.00 malam)
3. Jumaat (9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari)
4. Tempat : Bilik Ceria 5, Aras 3 Hotel Dorsett Putrajaya

Mewakili Ketua Pustakawan Universiti Awam bagi membentangkan kriteria dan wajaran pengukuhan jawatan Ketua Pustakawan



PERBINCANGAN BERSAMA KOMUNITI SK SUNGAI BINJAI, KLANG

MAC 21, 2024



Perbincangan bersama Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Binjai, Meru, Klang telah diadakan pada:

Tarikh: 21 Mac 2024 (Khamis)

Masa: 12:00 tengah hari

Tempat: SK Sungai Binjai

Objektif perbincangan ialah mengenai inisiatif pembangunan sistem NILAM yang berfungsi sebagai medium penilaian aktiviti NILAM di kalangan pelajar SK Sungai Binjai.

PTAR diwakili oleh:

Shahidatul Akhmam Rambeli
Mohd Khairul Idzwan Mohd Saad

SK Sungai Binjai diwakili oleh:

Encik Mohd Arif bin Ab. Muis (Guru Besar)
Hajah Nor Azizah binti Mohd Noh (Penolong Kanan Pentadbiran)
Suraya binti Mohd Tap (Guru Perpustakaan dan Media)
Norhalizah binti Mohamed Hassim (Penyelaras Nilam)

INFORMATION LITERACY PROGRAMME (ILP) SESI MAC 2024 UITM KAMPUS REMBAU

MAC 25, 2024



Isnin, 25 Mac 2024 telah dianjurkan taklimat Information Literacy Programme (ILP) bagi sesi kemasukan Mac 2024 anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang disampaikan oleh Encik Muhammad Shafiq Amirullah, Pustakawan PTAR Kampus Rembau. Taklimat modul Fundamentals of Information Literacy Programme ini diadakan khusus untuk pelajar-pelajar baharu yang mendaftarkan diri bagi sesi Mac 2024.

Kesemua pelajar-pelajar semester satu (1) termasuk pelajar semester 3 program penerapan yang mendaftarkan diri di UITM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau terdiri daripada pelajar Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM), Fakulti Komunikasi & Pengajian Media (FKPM) dan Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) terlibat sebagai peserta di dalam program ini.

Taklimat ILP ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan dan memberi tunjuk ajar asas mengenai literasi maklumat, bermula dengan mengetahui keperluan pembelajaran, membuat pencarian maklumat serta strateginya, memilih maklumat untuk rujukan dan mengunapakai maklumat dengan betul dan beretika.

Program yang diadakan selama satu jam setengah itu berjalan secara maya pada minggu kedua sesi perkuliahan yang diadakan secara ODL. Pihak perpustakaan ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada peserta yang hadir, juga kepada pihak fakulti dan pusat pengajian yang membantu memudahkan pelaksanaan program ini.

"BRIDGING THE WORKPLACE DIGITAL DIVIDE"

MAC 14, 2024



Workshop "Bridging The Workplace Digital Divide" anjuran Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang (PUITM) iaitu Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) Kampus Jengka dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Raub merupakan inisiatif dalam meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi terutama ketika bekerja di pejabat. Penggunaan teknologi atau digital dalam bekerja telah mengubah landskap pekerjaan secara drastik, memberikan impak positif terhadap produktiviti, kolaborasi, dan inovasi.

Penggunaan perisian produktiviti, aplikasi pengurusan tugas, dan alat digital lainnya membolehkan pekerja untuk melakukan tugas-tugas dengan lebih cepat dan efisien. Selain itu, alat kolaborasi dalam talian seperti platform perbualan, video, dan alat berkongsi dokumen memudahkan pengguna walaupun berada di tempat yang berbeza. Hal ini mempercepatkan pertukaran maklumat, mengumpul dan menganalisis data serta membantu organisasi membuat keputusan yang lebih baik dan cepat.

Di samping itu, penggunaan teknologi juga membantu mengurangkan penggunaan bahan cetak dan pemakaian kertas serta membantu meningkatkan kelestarian alam sekitar dan efisiensi operasi. Melalui penggunaan teknologi atau alat digital, ianya juga bantu memudahkan pembelajaran berterusan dan perkembangan pekerjaan. Workshop "Bridging The Workplace Digital Divide" yang telah disampaikan oleh Encik Ts. Sharifuddin Sulaman, Penolong Pengarah, Jabatan Perdana Menteri.

KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UITM CAWANGAN TERENGGANU KE PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITMCT KAMPUS BUKIT BESI

MAC 18, 2024



Perpustakaan Cendekiawan UITM Cawangan Terengganu Kampus Bukit BESI telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UITM Cawangan Terengganu sesi 2023/2024 pada 18 Mac 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Khazanah jam 9.00 pagi. Kunjungan hormat yang diketuai oleh Timbalan Naib Yang Di-Pertua 1 (Kepimpinan) Cik Nur Syahida Syafiqah binti Noralimi bersama tiga lagi barisan exco iaitu Exco Komunikasi, Korporat, Informasi & penerbitan, Encik Mohd Iman Haikal bin Che Nor Salahuddin, Exco Keusahawanan & Kesukarelaan, Cik Afa Irdina bin Hassan, dan Exco Kerohanian, Khidmat Siswa & Kebudayaan, Encik Muhammad Ilhami Fathi bin Helmizul bertujuan memperkenalkan lantikan baharu MPP bagi sesi kali ini dan pada masa yang sama untuk mengenali dengan lebih dekat pengurusan unit-unit di UITMCT Kampus Bukit BESI.



LAWATAN NAIB CANSOLOR UITM KE PTAR UITM CAWANGAN PULAU PINANG

MAC 4, 2024



UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berbesar hati menerima kunjungan lawatan dari Naib Canselor UiTM, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib ke Kampus Permatang Pauh. Terdahulu, beliau telah menghadiri Mesyuarat Khas Jawatankuasa Naib Canselor / Rektor Universiti Awam (JKNCR) yang bertempat di Canselori, Universiti Sains Malaysia.

YBhg. Datuk Naib Canselor telah memulakan lawatan santai beliau ke Pengajian Kejuruteraan Mekanikal serta ke Kolej Kristal sebelum berhenti solat di Pusat Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang. Usai menunaikan solat, YBhg. Datuk Naib Canselor telah sudi singgah ke PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh. Beliau telah diberi taklimat ringkas oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ahmad Faizar bin Jaafar mengenai projek-projek yang akan dilaksanakan di perpustakaan termasuk New Learning & Training Space serta Sudut IQRA.

Sebelum mengakhiri lawatan, YBhg. Datuk Naib Canselor telah menandatangani buku pelawat dan bergambar bersama staf PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh. Turut hadir dalam sesi lawatan santai ini ialah Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali, Penolong Rektor Kampus Bertam, Encik Amir Herbed Abdullah, Jurutera, Encik Mohd Saiful Nizam Mohammad Ali dan Timbalan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ahmad Faizar bin Jaafar.

TADDABBUR AL-QURAN@PKEJ

MAC 26, 2024



Selasa, 15 Ramadan 1445H, 26 Mac 2024 : Telah berlangsung satu program ilmiah iaitu Taddabbur Al-Quran di Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan. Ustaz Mohd Abdul Aziz bin Idris dari Bahagian Hal Ehwal Islam, UITM telah dijemput untuk memberi perkongsian surah pada kali ini.

Sesi taddabbur yang telah berlangsung selama dua jam telah mentaddaburkan surah Al-Falaq. Al-Falaq yang membawa maksud "Waktu Subuh". Ustaz juga ada menceritakan tentang beberapa kebaikan surah Al-Falaq antaranya "Allah s.w.t berfirman kepada manusia agar berlindung kepada-NYA dari segala kejahatan".

Diharapkan dengan perkongsian ilmu kali ini dapat meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dikalangan warga PKEJ. Terima kasih kepada Ustaz Mohd Abdul Aziz bin Idris kerana sudi hadir ke Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan dan seterusnya menjayakan program Taddabbur Al-Quran ini.

PROGRAM RESENSI BUKU RAMADAN: 1 STAF 1 BUKU

MAC 26, 2024



Selasa, 15 Ramadan 1445H, 26 Mac 2024 : Telah berlangsung satu program ilmiah iaitu Taddabbur Al-Quran di Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan. Ustaz Mohd Abdul Aziz bin Idris dari Bahagian Hal Ehwal Islam, UITM telah dijemput untuk memberi perkongsian surah pada kali ini.

Sesi taddabbur yang telah berlangsung selama dua jam telah mentaddaburkan surah Al-Falaq. Al-Falaq yang membawa maksud "Waktu Subuh". Ustaz juga ada menceritakan tentang beberapa kebaikan surah Al-Falaq antaranya "Allah s.w.t berfirman kepada manusia agar berlindung kepada-NYA dari segala kejahatan".

Diharapkan dengan perkongsian ilmu kali ini dapat meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dikalangan warga PKEJ. Terima kasih kepada Ustaz Mohd Abdul Aziz bin Idris kerana sudi hadir ke Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan dan seterusnya menjayakan program Taddabbur Al-Quran ini.

PROGRAM RESENSI BUKU RAMADAN: 1 STAF 1 BUKU

MAC 26, 2024



Selasa dan Rabu, 15 dan 16 Ramadan 1445H, 26 dan 27 Mac 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan telah menganjurkan program slot pembayaran zakat. Pihak PKEJ telah bekerjasama dengan Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Zainal Abidin,UITM.

Ustaz Mohd Bakri Bin Aminuddin telah dijemput untuk mengendalikan kaunter kutipan zakat pada hari berkenaan. Dengan adanya kaunter ni, lebih memudahkan urusan pembayaran zakat untuk warga Kolej Pengajian Kejuruteraan khususnya.

Kami mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas kesudian Ustaz Mohd Bakri Bin Aminuddin atas kesudian beliau melapangkan masa bagi menjayakan program bersama ini. Diharapkan, semoga program seperti ini boleh diadakan setiap tahun bagi memudahkan urusan pembayaran zakat.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my